

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Melawat  
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)  
Jinjang Utara pada 12.11.71 jam 3.00  
petang

Ucapan : 10110  
489  
118/80

Tuan Pengerusi, Enche Alex Lee, Ahli2 Lembaga  
Pengurus Sekolah, tuan<sup>2</sup> dan puan<sup>2</sup> serta semua murid<sup>2</sup> di-  
sekolah ini.

Saya mengucapkan berbanyak2 terima kaseh di-atas  
penghargaan yang telah di-beri kepada saya untok melawat  
sekolah ini dan memerhati keadaan bangunan sekolah ini dari  
dekat. Saya sedar betapa pesat-nya perkembangan2 yang  
sedang berlaku di-kawasan Kepong dan Jinjang, dan Kementerian  
saya akan berusaha sa-boleh2-nya untok mendapatkan  
keperluan2 pelajaran bagi kawasan ini.

Saya berasa bahawa ini ada-lah satu peluang  
keemasan bagi saya untok bertemu muka dan beramah tamah  
dengan guru2 dan murid2 sekolah ini.

Mengenai permintaan sekolah untok menambah  
beberapa buah bilek darjah lagi oleh kerana bertambah-  
nya murid2 sa-ramai 200 orang pada tahun ini, saya


telah mendapati bahawa permohonan sekolah ini ada-lah benar dan ini telah di-masokkan ka-dalam ranchangan Malaysia Kedua untok pertimbangan. Sukachita di-maalumkan bahawa sekolah ini telah di-sokong untok menggantikan kan bangunan lama dengan:-

- (a) 18 bilek darjah;
- (b) Pejabat;
- (c) Bilek Guru;
- (d) Kantin;
- (e) 3 setor;
- (f) Bilek Perpustakaan;
- (g) Tandas.

Perojek yang telah di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini di-taksir akan menelan belanja sa-banyak \$254,000.00.

Dalam peralehan dan perkembangan Malaysia zaman moden ini, di-mana sains dan teknologi di-utamakan, saya berharap murid2 lebeh bergiat lagi dalam pelajaran ini. Juga saya suka menasehatkan supaya sekolah ini

menubuhkan persatuan2 Bahasa Malaysia dan Bahasa  
Inggeris kerana dengan chara seperti ini taraf  
kebolehan murid2 dalam kedua2 bahasa ini akan dapat  
di-tinggikan lagi. Bahasa ada-lah satu perantaraan  
yang baik sekali, untok saling sefahaman dan saling kaseh  
mengasehi, di-antara penduduk2 Malaysia yang berbilang  
kaum ini. Kamu penuntut2 sekolah pada hari ini akan  
menjadi raayat negara yang setia pada hari esok, dan akan  
memegang peranan penting dalam masharakat Malaysia.  
Oleh sebab itu, saya berharap murid2 hendak-lah belajar  
dengan bersungguh2. Masa murid2 ia-lah seperti emas dan  
patut di-hargai dengan setinggi2-nya. Gunakan-lah  
peluang yang di-beri bagi murid2 belajar sekarang ini  
dengan sepenoh2-nya.



menubuhkan peraturan Bahasa Malaysia dan Bahasa

Inggeris kerana dengan cara seperti ini teras

kebolehan murid dalam kedua bahasa ini akan dapat

di-tinggikan lagi. Bahasa ada-lah satu perantaraan

yang baik sekali, untuk saling sefahaman dan saling kaedah

mengasah, di-antara penduduk Malaysia yang berbilang

kam ini. Kamu peruntut sekolah pada hari ini akan

menjadi rakyat negara yang setia pada hari esok, dan akan

memegang peranan penting dalam masyarakat Malaysia.

Oleh sebab itu, saya berharap murid hendak-lah belajar

dengan berungguh. Masa murid ia-lah seperti emas dan

patut di-hargai dengan setinggi-nya. Gunakan-lah



peluang yang di-beri bagi murid belajar

dengan seponoh-nya.

|               |       |
|---------------|-------|
| No. Siri      | 81    |
| No Penerimaan | 08/18 |